



Ruj. Kami : UPNM(PB)02.13/02/27/2022

Tarikh : 6 Oktober 2022

KENYATAAN SEBUTHARGA

Dengan ini kami ingin mempelawa syarikat-syarikat yang telah berdaftar dengan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) iaitu Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) di bawah bidang yang berkaitan dan pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa bagi tawaran seperti berikut:-

NO RUJ. & TAJUK SEBUTHARGA	KELAYAKAN/ TARAF /JENIS TENDER	Tarikh Taklimat/ Lawatan Tapak	TARIKH TUTUP / NO. PETI	HARGA DOKUMEN
SEBUTHARGA BAGI UPNM(PB)02.13/02/27/2022 - CADANGAN KERJA - KERJA KEMUDAHAN KESIHATAN SUKAN DI KOMPLEKS KOLAM RENANG, UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA, KEM SUNGAI BESI, KUALA LUMPUR	Berdaftar CIDB G1 Kategori B Pengkhususan B04 dan B28 Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) CIDB Dan PPK Sijil Taraf Bumiputera	Diwajibkan iaitu berkumpul di Foyer Pusat Penyelidikan dan Kecemerlangan Maritim UPNM pada 12 Oktober 2022 (Rabu) jam 10.00 pagi (yang telah berdaftar dengan UPNM sahaja)	21 Oktober 2022 (Jumaat) Jam 12.00 tengah hari Peti No. 1	RM30.00 (Tidak akan dikembalikan)

Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontrak (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak. Kontraktor/ Syarikat tidak boleh mewakili pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK.

Dokumen sebut harga boleh disemak dan dibeli selepas menghadiri Lawatan Tapak pada 12 Oktober 2022 di Seksyen Perolehan, Pejabat Bendahari, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dengan bayaran sebanyak RM30.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Ringgit Sahaja) dalam bentuk Tunai/Bank Draf dibayar atas nama Bendahari, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (yang tidak akan dikembalikan). Waktu untuk membeli dokumen tawaran adalah seperti di bawah :-

Isnin-Khamis : 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari
2.30 petang hingga 4.00 petang
Jumaat : 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari

Dokumen sebutharga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Seksyen Perolehan, Pejabat Bendahari, Aras 1, Bangunan Canselori, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur pada atau sebelum pukul 12.00 tengah hari pada tarikh yang dinyatakan di atas. Tawaran yang lewat tidak akan dipertimbangkan.

Iklan ini boleh dilihat di <http://bendahari.upnm.edu.my/> dan <https://myprocurement.treasury.gov.my/>

Bagi sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut, berkenaan sebutharga tersebut, sila hubungi (pukul 8.30 pagi sehingga 4.00 petang) Puan Zainorhalimahtun binti Zainudin (emel : zainorhalimahtun@upnm.edu.my) / talian 03-9051 3400 samb. 3467 atau Cik Nuramalina binti Sulaiman di talian (03 – 90513400 Samb 762 1097) emel n.amalina@upnm.edu.my untuk maklumat berkaitan dokumen.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI”

Saya yang menjalankan amanah,

(ROZAH BINTI YASOK)

Penolong Bendahari Kanan
b.p Bendahari